

*Siri Kajian Sastera Fajar Bakti*

**SEJARAH MELAYU**  
MENEMUKAN DIRI KEMBALI

# SEJARAH MELAYU

MENEMUKAN DIRI  
KEMBALI

Umar Junus



PETALING JAYA  
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.  
1984

085103

*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*  
*3, Jalan 13/3, Petaling Jaya, Selangor*  
*© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1984*  
*ISBN 967 933 058 3*

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

*Hiasan kulit luar menunjukkan sebahagian dari bahagian hadapan Istana Satu. Ukiran yang terdapat di dindingnya, terutama di bahagian tingkap, merupakan motif yang lazim digunakan pada istana-istana Melayu lama.*

M  
899.2309  
JUN

*Dicetak di Malaysia oleh*  
*Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd., Petaling Jaya*

601280

- 1 OCT. 1992  
Perpustakaan Negara

## Pengantar

TIBA-TIBA sahaja ada keinginan saya untuk meneliti *Sejarah Melayu*, setelah begitu lama mengidentifikasikan diri dengan lapangan penelitian sastera moden. Saya kurang pasti apa yang mendorong saya ke arah itu. Apakah hakikat "kesenimanan" yang ada dalam diri saya, sehingga saya mendapat ilham untuk mempelajarinya atau hakikat perkembangan ilmu yang ada dalam diri saya. Sesuai dengan apa yang dikatakan oleh Edward de Bono dalam bukunya *The Use of Lateral Thinking*, maka penemuan "ilmiah" lebih banyak dihasilkan melalui "perkenalan" yang tiba-tiba. Newton menemukan teori *gravity* melalui sebiji epal yang jatuh. Dan kemudian ini dilanjutkan sehingga dia dapat merumuskan suatu teori, walaupun kemudian disangkal atau diperbaiki oleh Einstein. Atau kerana saya lebih banyak memerhatikan soal teori dan bergerak dalam teori. Ini menyebabkan saya ingin mencuba teori itu kepada hal-hal yang biasanya tidak saya sentuh. [Ada anggapan bahawa suatu teori mempunyai kesanggupan penggunaan kepada hal yang lebih luas. Atau mungkin juga apa yang saya lakukan ini bukan suatu hal yang sebenarnya. Ada deretan proses yang memungkinan saya sampai kepadanya.]

Proses itu bermula dengan penggarapan saya terhadap *kaba* (Minangkabau). Dan sebagaimana yang saya katakan dalam kata pengantar untuk penelitian ini (*Kaba dan Sistem Sosial Minangkabau: Suatu Problem Sosiologi Sastera*), maka ia dirangsang sebenarnya oleh suatu tentangan daripada Sdr. A.A. Navis dalam tahun 1978. Penelitian ini "membukakan mata saya" kepada hal-hal yang selama ini tidak pernah saya fikirkan. Dan ini mungkin juga ada pada *Sejarah Melayu*.

Proses ini berlanjutan dengan pengalaman saya dalam memeriksa kertas HSC/STPM. Di sini saya dapati jawapan yang

stercotaip terhadap *Sejarah Melayu*. Saya mula berasa sangsi apabila membaca bahagian penutup *Sejarah Melayu* edisi Shellabear yang berlawanan dengan jawapan yang stercotaip. Timbul satu persoalan dalam diri saya, apakah tidak "salah" mengertikan *Sejarah Melayu* dengan pengertian atau penafsiran dari para sarjana Barat seperti Winstedt? Apakah tidak mungkin dalam menafsirkan *Sejarah Melayu*, para sarjana Barat ini akan bertindak sebagai seorang pegawai kerajaan Inggeris yang bertugas untuk menjaga kepentingan politik Inggeris? Kesedaran ini menjadi kental dalam diri saya setelah membaca buku Stanislav Andreski *Social Sciences as Sorcery* (1974, Penguin Books). Dia sengaja memberikan penafsiran yang tidak berbahaya (bagi penjajahan Inggeris) dengan melupakan hakikat sebenar *Sejarah Melayu*. Dan ini kemudian kita anggap sebagai "satu-satunya penafsiran yang benar". Dengan alasan itu, menyebabkan saya mula untuk menggarap *Sejarah Melayu*.

Proses ini bermula setelah saya membaca artikel Brakel dalam *Archipel 20* (1980). Artikel ini menyedarkan saya akan adanya suatu sistem dalam penelitian filologi, sistem yang dipengaruhi oleh kecenderungan ilmu pengetahuan di luarnya. Ini menyebabkan saya berfikir tentang kemungkinan memperkenalkan sistem yang baru dan kalau mungkin memberikan dasar teori kepadanya. Selanjutnya, ada beberapa pertanyaan dalam diri saya. Pertama, tentang kemungkinan terdapatnya pembahagian yang artifisial di antara sastera lama dengan sastera moden, sehingga keduanya dipelajari oleh dua "disiplin" ilmu yang berbeza, sedangkan kedua-duanya adalah sastera Melayu. Ini membawa saya kepada hal yang kedua, iaitu kemungkinan menggunakan teori-teori sastera moden (yang moden) terhadap sastera lama. Ini diperkuat dengan kesedaran yang saya temui dalam pembacaan. Dalam penyelidikan sastera Barat, tidak pernah dibezakan di antara sastera lama dengan baru. Kedua-duanya dilihat sebagai suatu kesatuan. Jadi, dengan pengetahuan yang ada pada saya tentang teori sastera (yang moden), saya ingin mencuba meneroka *Sejarah Melayu*. Dan inilah yang saya lakukan dalam penelitian